

Impak Kredit Mikro ke atas Ketaksamarataan Pendapatan di Kalangan Sahabat Amanah Ikhtiar

(The Impact of Micro Credit on Income Inequality Among Sahabat Amanah Ikhtiar)

Mohd Saifoul Zamzuri Noor

Siti Hadijah Che-Mat

Roslan Abdul-Hakim

Kojel Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menganalisis impak kredit mikro ke atas agihan pendapatan di kalangan Sahabat Amanah Ikhtiar di negeri Kedah dan Kelantan. Untuk melihat kesan ke atas agihan pendapatan, kajian ini menggunakan pekali Gini yang diperkenalkan oleh Yao (1997). Kajian menggunakan data yang diperolehi dari Kajian Penyelidikan Impak 6 AIM. Sebanyak 495 responden telah ditemubual dengan menggunakan kaedah temuduga secara bersemuka. Responden dipilih berdasarkan persampelan rawak berlapis mengikut cawangan di kedua-dua wilayah Kedah dan Kelantan. Kajian mendapati pendapatan dari sumber aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro ini memberi kesan kesamarataan (*equalising effect*) ke atas ketaksamarataan pendapatan. Dengan andaian *ceteris paribus*, peningkatan syer pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro akan memacu kepada pengurangan dalam jumlah ketaksamarataan pendapatan isi rumah.

Kata kunci: Kredit mikro; ketaksamarataan; pendapatan bukan pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

ABSTRACT

This paper AIMS to analyze the impact of micro credit upon the income distributions amongst the 'Sahabat Amanah Ikhtiar' in Kedah and Kelantan. To examine the effects on income distributions, this study used the Gini coefficient proposed by Yao (1997). The data set of this study is obtained from 'Kajian Penyelidikan Impak 6 AIM'. A total of 495 respondents have been interviewed using the face-to-face interview method. The respondents were selected using the stratified random sampling method according to branches in both Kedah and Kelantan regions. The findings indicate that the income from activitic resources financed by the micro credit has an equalising effect upon income inequality. Assuming *ceteris paribus*, an increase in income share from the micro credit activitic resources will lead to a decrease in total household income inequality.

Keywords: Microcredit; inequality; non agriculture income and Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

PENGENALAN

Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan disertakan dengan dasar-dasar makroekonomi yang berkesan telah memberi peluang kepada pengurangan insiden kemiskinan negara. Kadar kemiskinan telah berkurang dengan begitu signifikan dari 52.4 peratus pada tahun 1970 kepada 17.1 peratus dalam tahun 1990 dan 6.1 peratus dalam tahun 1997. Akan tetapi krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1997 telah menyaksikan insiden kemiskinan meningkat kembali dari 6.1 peratus dalam tahun 1997 kepada 7.5 peratus dalam tahun 1999. Setelah plan pemulihan dilaksanakan, insiden kemiskinan berkurangan kembali kepada 5.1 peratus dalam tahun 2002 dan 3.8 peratus dalam tahun 2009 (Malaysia, 2006).

Walaupun pengurangan kemiskinan secara keseluruhannya menunjukkan negara ini telah berjaya

menangani masalah kemiskinan, namun jika dilihat dari sudut etnik, kemiskinan ini masih merupakan isu harus diketengahkan. Jika dilihat kemiskinan mengikut etnik ia memperlihatkan etnik golongan Melayu/Bumiputera mencatatkan peratusan kemiskinan yang secara relatif tinggi berbanding dengan bangsa Cina dan India. Pada tahun 2002 misalnya didapati insiden kemiskinan Melayu/Bumiputera ialah 7.3 peratus berbanding Cina 1.5 dan India 1.9 peratus. Selanjutnya insiden kemiskinan kaum Bumiputera di kalangan orang asli di Semenanjung Malaysia masih lagi tinggi iaitu 50.9 peratus (Malaysia 2001).

Banyak kajian telah membuktikan tentang peranan yang dimainkan oleh kredit mikro dalam meningkatkan pendapatan dan mengurang kemiskinan. Antaranya, Copestake et al. (2001), Rahman et al. (2009), Dunn (2005), Bernd Balkenhol (2005), Coleman (2006), David S. Gibbons dan Sukor Kasim (1990), Roslan et al.

(2007) dan Shaw (2004) kesemuanya mendapati kredit mikro ini merupakan salah satu instrumen penting dalam meningkatkan pendapatan seterusnya mengurangkan insiden kemiskinan. Didapati dengan menggunakan kredit mikro ia boleh memberi kesan yang lebih cepat dalam pertumbuhan pendapatan aktiviti ekonomi peserta. Secara agregatnya kredit mikro memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya kepada masyarakat luar bandar dan dijangka akan mempengaruhi keadaan ketaksamarataan agihan pendapatan.

Pertumbuhan ekonomi juga menyebabkan ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan berlaku sama ada antara kaum mahupun dalam kaum itu sendiri. Ini menggambarkan keupayaan masyarakat untuk merebut peluang adalah berbeza. Ketidakseimbangan atau juga disebut ketaksamarataan ini diukur melalui pekali Gini. Ketaksamarataan pendapatan boleh menjejaskan matlamat kerajaan untuk meningkatkan kemakmuran negara. Ketaksamarataan agihan pendapatan di Malaysia pada tahun 1970 seperti yang ditunjukkan oleh pekali Gini ialah 0.502 dan meningkat ke 0.529 dalam tahun 1976, kemudian menurun ke 0.446 dalam tahun 1990. Pekali Gini meningkat kembali dalam tahun 1995 iaitu 0.456 dan 0.459 dalam tahun 1997. Pada tahun 2004 pekali Gini meningkat kembali kepada 0.462 dan kemudian jatuh kembali kepada 0.441 pada tahun 2007. Laporan menunjukkan indeks ketaksamarataan agihan pendapatan lebih baik di luar bandar berbanding dengan bandar. Pekali Gini mereka yang berada di luar bandar adalah lebih rendah berbanding dengan bandar. Mengikut kajian salah satu punca ketaksamarataan yang rendah disebabkan oleh pendapatan bukan pertanian (Adam 2001 dan Alain et al. 2008).

Umumnya pembangunan sektor kewangan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara secara keseluruhannya (Zulkefly Abdul Karim et al. 2010). Begitu juga dalam segmen masyarakat berpendapatan rendah atau miskin. Dalam konteks agihan pendapatan, secara teorinya, impak pembangunan kewangan memberi kesan yang berbeza-beza terhadap golongan miskin. Pembangunan pasaran kewangan atau kedalaman kewangan (*financial deepening*) dikatakan sebagai alat penting untuk mengurangkan ketaksamarataan. Ada pendapat beranggapan dengan meningkatkan pembangunan kewangan sesebuah negara, ia akan membawa kepada peruntukkan kredit yang semakin cekap dan pengurangan risiko melalui pelbagai pelaburan serta pendedahan maklumat berkaitan kewangan yang lebih luas. Menurut Beck et al. (2004), pembangunan kewangan yang pesat mendorong pendapatan golongan miskin untuk berkembang lebih cepat daripada pertumbuhan purata KDNK per kapita dan mengurangkan ketaksamarataan pendapatan. Apa yang penting dalam konteks masyarakat miskin, mereka mudah untuk akses kepada perkhidmatan kewangan yang boleh digunakan untuk menjana aktiviti produktif seterusnya

meningkatkan pendapatan dan harta. Akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada masalah kemiskinan (Hisako & Hamori 2009). Terdapat beberapa kajian mengenai keberkesanan program kredit mikro AIM yang digambarkan melalui peningkatan indikator pendapatan peserta seperti Kajian Impak 1 Projek Ikhtiar, 1988; Kajian Impak 2, 1990; Kajian Impak 3, 1993; Kajian Impak 4, 1994 (AIM, 2006/07) dan Kajian Impak 5 (AIM, 2006/07). Kajian terkini ialah Kajian Impak 6 Skim kewangan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (2010). Namun dalam kajian Impak 6 ini liputannya merangkumi aspek yang lebih luas seperti kesan pewujudan pekerjaan (job creation), modal sosial (social capital), pengupayaan (empowerment) dan keusahawanan.

Pendapat lain menyatakan pembangunan kewangan hanya memberi faedah kepada golongan kaya dan akan meningkatkan lagi masalah ketaksamarataan. Mengikut Beck et al. (2004) dan Bouman et al. (1988) bahawa golongan miskin bergantung kepada sistem kewangan tidak formal seperti meminjam dari keluarga, saudara mara dan kawan-kawan. Menurut Greenwood dan Jovanovic (1990) pembangunan kewangan mengurangkan ketaksamarataan hanya pada peringkat akhir pembangunan kewangan. Sebaliknya pada peringkat awal berlaku peningkatan ketaksamarataan yang agak ketara antara golongan kaya dan miskin serta pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan. Ini berlaku kerana orang-orang kaya mempunyai akses yang lebih cepat kepada pasaran kewangan. Pendapat beliau ini selari dengan Hipotesis Kuznet (1955) mengenai hubungan pertumbuhan KDNK dengan ketaksamarataan. Inoue dan Hamori (2010) juga mendapati pada peringkat awal pembangunan kewangan telah meningkatkan ketaksamarataan pendapatan namun begitu pertumbuhan ekonomi membantu mengurangkan insiden kemiskinan.

Sebenarnya isu kemiskinan dan ketaksamaratan ini juga berkaitan dengan keadaan pasaran kewangan dan modal negara miskin dan NSM yang tidak sempurna yang menafikan akses perkhidmatan kewangan oleh golongan miskin (Mc Kinnon 1973). Justeru dengan adanya kredit mikro dalam pasaran kewangan, khusus untuk golongan miskin, maka usaha pengurangan kemiskinan dan ketaksamarataan dijangka menjadi lebih berkesan walaupun diawal pembangunan ekonomi.

Kajian ini menyiasat impak kredit mikro kepada pengurangan kemiskinan dan ketaksamarataan pendapatan golongan miskin yang majoritinya sudah tidak miskin kesan pengaruh kredit mikro. Telah dinyatakan sebelum ini bahawa pertumbuhan pendapatan mungkin memberi kesan kepada isu ketaksamarataan yang dikhuatiri memberi kesan negatif dalam jangka panjang di kalangan sahabat AIM apabila wujud jurang melampau antara mereka. Lebih-lebih lagi peserta skim kredit mikro AIM dibentuk secara berkumpulan dan mereka perlu mengambil tanggungjawab bersama. Seandainya di antara ahli kumpulan dan antara kumpulan-kumpulan

wujud jurang pendapatan yang tinggi, dibimbangi akan wujud rasa tidak selesa di kalangan mereka. Keadaan ini sekiranya terjadi tanpa pengesanan awal boleh menjejaskan psikologi mereka dan sekaligus memberi kesan kepada prestasi aktiviti ekonomi peserta. Justeru pengesanan awal adalah penting untuk memastikan tindakan pencegahan daripada berlaku. Apatah lagi AIM disertai sebilangan besar masyarakat miskin dan terus kekal mendapat pembiayaan AIM walaupun mereka sudah tidak miskin dan jumlah mereka makin bertambah selaras dengan permintaan kerajaan untuk meluaskan jangkauan peserta.

Laporan di atas menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang disertai dengan pembangunan kewangan telah mencorakkan agihan pendapatan yang dilihat secara makro. Keadaan ini mungkin berbeza jika kajian secara mikro misalnya mengikut strata-strata tertentu yang dibiayai oleh institusi kewangan mikro (MFI) terhadap golongan tertentu. Namun dalam artikel ini penyelidik menilai ketaksamarataan dalam aktiviti bukan pertanian yang dibiayai oleh skim kredit mikro mengikut aktiviti ekonomi. Persoalannya apakah pendapatan yang diperoleh dari aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro akan mengurangkan ketaksamarataan pendapatan? Seterusnya aktiviti manakah yang menyumbangkan kepada mengurangkan ketaksamarataan tersebut?

Atas alasan itulah objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji impak kredit mikro terhadap ketaksamarataan pendapatan di kalangan peserta skim. Seterusnya kajian ini juga menyiasat aktiviti ekonomi peserta yang manakah menyumbangkan kepada pengurangan ketaksamarataan tersebut. Susunan perbincangan akan disusuli dengan; 2) Sorotan kajian lepas; 3) Metodologi kajian; 4) Dapatan kajian; dan 5) Implikasi polisi dan rumusan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Secara umumnya kesan pembangunan kewangan terhadap ketaksamarataan kepada golongan miskin tidak begitu memberangsangkan. Berdasarkan kajian emperikal yang telah dibincangkan sebelum ini, menunjukkan penambahbaikan ketaksamarataan kebanyakan berlaku pada akhir pembangunan ekonomi. Oleh itu Beck et al. (2004) mencadangkan perlu satu sistem kewangan yang khusus untuk masyarakat miskin. Justeru itu fokus kepada kewangan mikro sebagai alat pembangunan kewangan khusus untuk golongan miskin dalam konteks Malaysia dijangka dapat mengurangkan ketaksamarataan agihan pendapatan.

Cuong et al. (2007) menganalisis kesan pinjaman terhadap pengurangan kemiskinan dan ketaksamarataan pendapatan. Beliau menggunakan data panel dan kaedah regresi kesan tetap (*fixed effect regression*) untuk menganggarkan purata kesan program ke atas pendapatan dan perbelanjaan isi rumah dan seterusnya

menilai kesan program kemiskinan dan ketaksamarataan. Beliau membuat kesimpulan bahawa kredit mikro berjaya mengurangkan ketaksamarataan pendapatan, tetapi kesannya tidak begitu ketara kerana nisbah jangkauan golongan miskin masih secara relatifnya kecil. Kajian oleh Mahjabeen (2008) yang menggunakan model keseimbangan umum (CEM) menunjukkan bahawa pembiayaan mikro di Bangladesh dapat meningkatkan tahap pendapatan dan penggunaan isi rumah, mengurangkan ketaksamarataan pendapatan dan meningkatkan kebajikan. Namun menurut Hamori et al. (2009), maklumat empirikal kajian tersebut masih tidak mencukupi untuk mengesahkan penemuan tersebut, jadi menurutnya analisis lanjutan diperlukan.

Kewangan mikro dimodelkan sebagai alat penambahbaikan di dalam pasaran kewangan yang membuka pilihan pekerjaan sendiri (*self-employment*) oleh golongan miskin. Seterusnya pelaburan kredit mikro oleh golongan miskin dapat mengurangkan ketaksamarataan agihan pendapatan dalam jangka panjang (Ahlin dan Jiang 2008). Kajian oleh Hisako dan Hamori (2009) ke atas 61 buah negara sedang membangun (NSM) mendapati kredit mikro telah mengurangkan ketaksamarataan pendapatan dan ia boleh digunakan sebagai alat agihan semula pendapatan yang berkesan. Pertumbuhan ekonomi boleh menyebabkan masalah ketaksamarataan pendapatan meningkat dan melalui pembangunan ekonomi (kredit mikro) isu ketaksamarataan dapat ditangani semula.

Namun begitu terdapat juga penemuan emperikal yang menunjukkan kredit mikro meningkatkan ketaksamarataan agihan pendapatan. Shah A (2010), mengkaji kesan kewangan mikro dan ketaksamarataan pendapatan di peringkat isi rumah dan kampung di Thailand. Beliau menggunakan panel data melalui teknik quasi-eksperimen dengan mengambil kira peminjam dan bukan peminjam. Penemuan mendapati kredit mikro tidak memberi kesan kepada ketaksamarataan pendapatan di peringkat isi rumah tetapi signifikan di peringkat kampung. Ini menunjukkan peningkatan pinjaman oleh sesebuah kampung memberi kesan peningkatan ketaksamarataan pendapatan.

Menurut Lipton dan Van der Gaag (1993), secara umumnya kewangan mikro memberi sumbangan positif kepada pengurangan insiden kemiskinan jangka pendek tetapi meningkatkan kos ketaksamarataan pendapatan. Oleh itu beliau berpendapat di samping memfokuskan kepada matlamat pengurangan kemiskinan adalah perlu pertimbangan mengenai kesan dasar kemiskinan lebih kepada jangka panjang. Menurut Copestake (2002), kita perlu bertanya sama ada kesan kredit mikro kepada ketaksamarataan yang meningkat mungkin mengukuhkan atau melemahkan kapasiti jangka panjang untuk mengurangkan kemiskinan. Menurutnya lagi untuk menjawab soalan ini memerlukan lebih banyak penyelidikan mengenai kesan yang lebih luas (sosial, politik dan ekonomi) terhadap

mereka yang telah berjaya dan gagal dalam skim kredit mikro.

Mengikut kajian ketaksamarataan pendapatan antara negara oleh Tchouassi (2011), Kai dan Hamori (2009) dan Greenwood dan Jovanovic (1990) mendapati faedah pertumbuhan ekonomi terlebih dahulu diperolehi oleh golongan kaya dan kemudian baru kepada golongan miskin secara aliran menegak. Manfaat kepada golongan miskin diperolehi bila golongan kaya mula membelanja perolehannya (gains). Dengan kata lain faedah kepada populasi golongan miskin daripada pertumbuhan ekonomi berlaku secara tidak langsung melalui aliran menegak daripada golongan tidak miskin. Ini menyebabkan ketaksamarataan pendapatan meningkat dalam jangka pendek dan mungkin mengecil dalam jangka panjang. Namun menurut Tchouassi (2011) peranan yang dimainkan oleh kredit mikro untuk mengurangkan ketaksamarataan masih kekal penting sehingga kini.

Melihat penemuan yang pelbagai, maka tumpuan secara khusus melalui pembangunan “program kredit mikro atau kewangan mikro” kepada golongan miskin di Malaysia dijangka memberi kesan yang lebih cepat dalam mengurangkan masalah kemiskinan dan ketaksamarataan agihan pendapatan. Dalam segmen pembangunan kredit mikro ini hanya golongan yang berpendapatan rendah atau miskin layak memperoleh faedahnya. Program ini dibentuk berasaskan konsep “orientasi sosial” di mana golongan miskin bukan sahaja diberi kemudahan kredit tetapi lebih penting sokongan bukan kewangan seperti motivasi, latihan dan juga ruang serta peluang kepada mereka. Mereka juga dilatih bekerja secara berkumpulan untuk mengukuhkan lagi konsep “modal sosial” di antara individu ahli kumpulan dan kumpulan-kumpulan yang dibentuk. Pendekatan ini memberi kejayaan kepada kredit mikro di Bangladesh sehingga terbentuk “Bank of Poor” iaitu Bank Grammen. Kejayaan Bank Grammen inilah menjadi aspirasi kepada cetusan program kewangan mikro di seluruh dunia khususnya di negara-negara seperti Asia, Afrika dan Amerika Selatan.

Di Malaysia Institusi AIM merupakan pemimpin dalam segmen perkhidmatan kewangan mikro kepada golongan miskin yang menggunakan pendekatan Bank Grameen. AIM ditubuhkan di bawah “Trustees (Incorporation) Act 1952 (Revised 1981)” [Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952]. AIM menggunakan PGK bulanan dan/atau perkapita sebagai syarat asas kelayakan menjadi sahabat. Dari tahun 1987 hingga 2003, syarat kelayakan ditumpukan kepada mereka yang berada di bawah paras 2/3 dari PGK semasa kerajaan. Bermula tahun 2004, AIM menggunakan PGK sepenuhnya sebagai syarat asas kelayakan (AIM 2006/07). Penubuhannya adalah bertujuan mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui pengeluaran Pembiayaan Ikhtiar kepada isi rumah miskin di luar bandar untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang menambahkan pendapatan. Ia merupakan institusi kewangan mikro

terbesar dengan jangkauan keahlian melebihi 192,840 orang dan jumlah modal yang dikeluarkan melebihi RM565,911,000 sehingga 2008 dengan kadar bayar balik melebihi 95 peratus (Kajian Impak 5, 2006/07 dan Kajian Impak 6, 2010).

Pembiayaan AIM tidak dikenakan sebarang cagaran, penjamin, tiada tindakan undang-undang sekiranya sahabat (sahabat merujuk kepada peserta atau ahli yang berdaftar dengan institusi kewangan mikro AIM) gagal membayar balik mengikut tempoh yang dipersetujui atau ditetapkan. Pembiayaan akan dilindungi melalui Tabung Khairat Hutang (Mikro Insurans) dan setiap pembiayaan dikenakan caj pengurusan sebanyak 10 peratus setahun. Proses kelulusan pembiayaan melalui tapisan awal di peringkat kumpulan, seterusnya oleh sahabat pusat. Setelah diluluskan oleh kedua-dua peringkat tapisan ini, barulah diserahkan kepada pihak AIM. Lawatan atau semakan akan dikendalikan oleh pegawai AIM peringkat cawangan atau wilayah sebelum kelulusan pembayaran ke akaun sahabat dibuat.

Penekanan kepada disiplin menjadi asas menggantikan syarat-syarat pembiayaan yang diperlukan. Disiplin membawa erti kepada sahabat iaitu menunaikan segala tanggungjawab yang telah ditetapkan dan dipersetujui. Segala tanggungjawab ini telah diterapkan semasa latihan penurunan kuasa sebelum disahkan menjadi sahabat lagi. Tanggungjawab ini terkandung di dalam ikrar sahabat dan rukun pembiayaan. Peranan *peer support* dan *peer pressure* menjadi asas penerimaan tanggungjawab bersama memastikan pembiayaan digunakan dengan sebaiknya dan bayaran balik disempurnakan. Semangat kerjasama, saling membantu sesama sahabat sangat ditekankan. Dengan rekod dan sejarah pembiayaan yang baik, mereka akan disokong untuk mendapat pelbagai jenis pembiayaan secara berterusan. Selain daripada pembiayaan, AIM juga memberi penekanan kepada pembangunan modal insan.

Dalam konteks AIM, kepimpinan sahabat merupakan nadi ke arah mengukuhkan peranan pengurusan dan penyeliaan bersama. Lembaga Perwakilan Sahabat (LPS) adalah satu entiti rasmi diwakili oleh sahabat yang dilantik. Kepentingan sahabat dalam satu-satu cawangan akan diwakili oleh empat (4) orang wakil LPS ke Peringkat Wilayah. Setiap wilayah pula akan diwakili oleh empat (4) orang wakil LPS ke Peringkat Kebangsaan. Mereka ini adalah terdiri daripada Ketua, Timbalan Ketua, Setiausaha dan Bendahari LPS. Tempoh perantaraan seseorang LPS adalah selama dua tahun. Bengkel-bengkel kepimpinan dan mesyuarat bersama AIM diatur bagi menyalurkan maklumat dan perkembangan AIM. Oleh kerana pentingnya hubungan kakitangan dan sahabat serta masyarakat, AIM telah mewujudkan satu set agenda pembangunan yang dinamakan Program Pembangunan Sahabat (PPS). Pelbagai program dikendalikan dengan penglibatan bersama kakitangan, sahabat dan keluarga, masyarakat setempat, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pemimpin-pemimpin masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

DATA DAN SAMPEL

Data kajian diperolehi dari data Kajian Penyelidikan Impak 6 AIM yang dijalankan secara kerjasama antara Universiti Utara Malaysia dan AIM. Seramai 4,238 sampel daripada 192, 849 orang peserta seluruh Malaysia telah dikutip secara rawak berlapis mengikut wilayah dan cawangan. Kutipan data melibatkan semua 9.0 wilayah dan 69 buah cawangan AIM daripada keseluruhan 76 cawangan. Pemilihan ini menggunakan maklumat rangka persampelan peserta AIM sehingga 31 Julai 2008 yang diperolehi dari cawangan operasi dan wilayah AIM. Kira-kira 2.5 peratus dari setiap populasi wilayah dikutip sebagai sampel kajian. Di setiap cawangan/daerah pemilihan pusat dijalankan secara rawak dan kemudian pemilihan peserta pusat dilakukan secara rawak.

Daripada 4,238 orang responden tersebut terdapat seramai 1,525 orang responden dari wilayah Kedah dan Kelantan. Oleh kerana fokus kajian hanya terhadap wilayah Kedah dan Kelantan, maka sejumlah 495 responden dari 1,525 orang responden dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini. Sejumlah 495 responden (241 dari wilayah Kedah dan 254 dari Kelantan) ini dipilih berdasarkan penglibatan mereka dalam aktiviti bukan pertanian dan menerima pinjaman hanya dari institusi AIM sahaja dari senarai sampel tersebut. Fokus kepada aktiviti ini kerana sumbangannya kepada penjanaan pendapatan peserta adalah lebih tinggi berbanding dengan aktiviti pengeluaran pertanian. Ia hanya meliputi dua buah wilayah iaitu Kedah dan Kelantan yang meliputi 10 buah cawangan di Kedah dan 11 buah cawangan di Kelantan. Pemilihan dua buah wilayah ini bersesuaian dengan kajian kemiskinan yang menumpu kepada dua buah wilayah paling miskin di Semenanjung Malaysia. Saiz sampel sebesar ini lebih daripada mencukupi untuk mewakili populasi yang disampelkan (Sekaran 2004).

TATACARA DAN STRATEGI KUTIPAN DATA

Data dikutip oleh mereka yang berpengalaman dan terlatih terdiri daripada penyelidik dan kakitangan AIM di seluruh cawangan yang terpilih. Untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan maklumat, beberapa tindakan telah diambil sebelum, semasa dan selepas maklumat diperolehi.

1. Sebelum Temuduga

Beberapa siri latihan dan bengkel tata kaedah pengumpulan data telah dijalankan oleh penyelidik kepada kakitangan AIM di peringkat operasi. Antara perkara yang paling ditekankan ialah kesahihan dan kebolehpercayaan maklumat yang diperolehi. Untuk mengelakkan ralat sistematik, kakitangan cawangan sendiri diarahkan menjalankan temubual di cawangan

lain dengan mengambilkira identiti mereka tidak dikenali oleh responden cawangan tersebut. Mereka juga tidak dibenarkan memperkenalkan diri sebagai kakitangan AIM bagi membolehkan responden menjawab dengan bebas dan selesa.

Terlebih dahulu daripada itu satu kajian percubaan telah dijalankan oleh pasukan penyelidik pada November 2008. Seramai 35 orang responden telah ditemuduga secara bersemuka. Ujian ini dilakukan di daerah Kubang Pasu, Kedah. Penyelidikan dari pasukan AIM dan UUM dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terdiri dari 2-3 orang setiap satu kumpulan. Kawasan kajian terdiri dari Kodiang, Sekitar pekan Jitra dan kampung Malau. Hasil daripada kajian percubaan tersebut kami dapat mengenalpasti beberapa kelemahan misalnya dari segi struktur soalselidik telah diubahsuai dan beberapa pembolehubah telah ditambah dan digugurkan.

Ujian peringkat kedua untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan terhadap soalselidik juga telah dijalankan. Kami mendapat tindakbalas daripada pegawai-pegawai AIM (Pengurus Wilayah/Cawangan) yang terlibat secara langsung dengan program AIM. Setelah penambahbaikan dilakukan, kami mendapat tindakbalas daripada kakitangan AIM di peringkat operasi (khususnya Pembantu Amanah) dan beberapa perkara lagi penambahbaikan telah dilakukan.

2. Semasa temuduga

Maklumat diperolehi melalui temuduga secara bersemuka dengan responden terutama semasa mesyuarat pusat. Beberapa strategi susulan juga telah digunakan untuk memastikan maklumat yang diperolehi berkualiti. Penemuduga memohon kebenaran daripada kakitangan suatu pusat/cawangan untuk menemuduga responden yang terpilih semasa mesyuarat pusat. Kemudian mereka mengagihkan soalselidik kepada responden di mesyuarat pusat. Responden boleh mengisinya terlebih dahulu di pusat. Jika masa tidak mengizinkan, penemuduga membuat satu temujanji dengan responden untuk menemuduga mereka di rumah. Soalselidik yang diperolehi disemak oleh kakitangan AIM/penyelidik sebelum dimasukkan ke dalam komputer. Maklumat yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada responden untuk dilengkapkan dan dikembalikan semula kepada penyelidik. Di samping itu tindakan susulan melalui telefon juga dilakukan untuk mengesahkan jawapan yang telah dijawab.

3. Selepas temuduga

Data-data yang telah disemak dimasukkan ke dalam komputer. Sekali lagi maklumat tersebut dibincangkan dengan pihak AIM. Maklumat ini juga dibandingkan dengan maklumat-maklumat daripada kajian lepas seperti data kajian impak 5 dan maklumat dalaman AIM. Setelah semua pihak berpuashati dengan kesahihan dan kebolehpercayaan data tersebut, baru analisis lanjutan dijalankan.

PENGUKURAN KETAKSAMARATAAN DAN PEMISAHAN

Salah satu langkah yang biasa digunakan untuk mengukur ketaksamarataan pendapatan adalah pekali Gini. Dengan menggunakan pekali Gini, jumlah pendapatan yang diperolehi oleh isi rumah boleh dipisah-pisahkan mengikut sumber-sumber yang tertentu. Yao (1997) membangunkan pendekatan pemisahan baru, yang mudah digunakan dan tanpa mengira bagaimana penduduk dikategorikan. Menurut Yao, isi rumah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan n . Katakan m_i mewakili pendapatan purata kumpulan i ($i = 1, 2, \dots, n$), m pendapatan purata daripada jumlah isi rumah, p_i bahagian isi rumah dalam kumpulan i , dan w_i di mana $w_i = p_i m_i / m$, bahagian pendapatan bagi kumpulan i dalam jumlah pendapatan. Yao (1997) menyatakan indeks Gini yang mengukur ketaksamarataan jumlah pendapatan adalah seperti berikut:

$$G = 1 - \sum_{i=1}^n p_i (2Q_i - w_i), \quad i = 1, 2, \dots, n, \quad (1)$$

di mana $\sum_{i=1}^n p_i = 1$, $\sum_{i=1}^i w_i = 1$, $w_i = \frac{p_i m_i}{m}$

dan $Q_i = \sum_{k=1}^i w_k$, $k = 1, 2, \dots, n$

adalah pendapatan yang terkumpul dari kumpulan 1 kepada kumpulan i dan p_i dan w_i mengikut tertib menaik m_i ($m \leq m_2 \leq \dots \leq m_n$). Sekarang, andaikan bahawa jumlah pendapatan yang diperolehi daripada sumber-sumber F . Katakan $w_{fi} = p_i m_{fi} / m_f$ mewakili bahagian pendapatan kumpulan i dalam jumlah pendapatan yang wujud daripada faktor f ($f = 1, 2, \dots, F$), di mana p_i ditakrifkan seperti di atas, m_f min pendapatan populasi faktor f , dan m_{fi} adalah min pendapatan faktor kumpulan i . Jika p_i dan w_{fi} disusun supaya mengikut turutan menaik kumpulan faktor min pendapatan m_{fi} (atau $m_{f1} \leq m_{f2} \leq \dots \leq m_{fn}$), pekali Gini untuk sumber pendapatan f adalah ditakrifkan seperti berikut:

$$G_f = 1 - \sum_{i=1}^n p_i (2Q_{fi} - w_{fi}), \quad (2)$$

di mana $\sum_{i=1}^n p_i = 1$, dan $Q_{fi} = \sum_{k=1}^i w_{fk}$

adalah bahagian pendapatan kumulatif dari kumpulan 1 kepada i dengan p_i dan w_i mengikut $m_{f1} \leq m_{f2} \leq \dots \leq m_{fn}$. Jika p_i dan w_{fi} mengikut tertib menaik kumpulan jumlah min pendapatan, m_{fi} , dan bukannya kumpulan min faktor pendapatan, m_{fi} persamaan yang sama boleh digunakan untuk mengira faktor nisbah kepekatan (concentration ratio), c_f , seperti berikut:

$$C_f = 1 - \sum_{i=1}^n p_i (2Q_{fi} - w_{fi}), \quad (3)$$

dengan p_i dan w_{fi} mengikut $m_1 \leq m_2 \leq \dots \leq m_n$. Menggantikan persamaan (3) ke dalam persamaan (1), indeks Gini boleh dipisahkan sebagai:

$$G = \sum_{f=1}^F w_f c_f, \quad (4)$$

di mana $\sum_{f=1}^F w_f = \sum_{f=1}^F \frac{m_f}{m} = 1$.

Dengan lain perkataan, pekali Gini jumlah pendapatan adalah purata pemberat nisbah kepekatan. Oleh itu pemisahan indek Gini hanya melibatkan faktor nisbah kepekatan, C_f dan faktor bahagian pendapatan di dalam jumlah pendapatan w_f . Ia tidak melibatkan pengiraan faktor indek Gini G_f . Pembahagian faktor nisbah kepekatan C_f dengan jumlah indeks Gini G , memberi pekali kepekatan relatif, g_f yang boleh ditakrif seperti berikut:

$$g_f = \frac{C_f}{m}, \quad \text{dan} \quad \sum_{f=1}^F w_f g_f \quad (5)$$

Nisbah kepekatan relatif, g_f menunjukkan kesan sumber pendapatan f ke atas jumlah ketaksamarataan. Jika nilai g_f untuk pendapatan adalah lebih besar daripada uniti, faktor pendapatan tersebut dikatakan menjadi faktor peningkatan ketaksamarataan (inequality-increasing factor), yang bermaksud, ceteris paribus, dan bahagian yang diperbesarkan oleh faktor pendapatan, akan menyebabkan peningkatan ketaksamarataan dalam jumlah pendapatan. Sebaliknya, jika nilai g_f faktor pendapatan kurang daripada uniti, faktor pendapatan dikatakan akan mengurangkan ketaksamarataan (inequality-decreasing factor). Sumbangan peratusan sumber pendapatan boleh diperolehi dengan mendarabkan nilai $w_f g_f$ sumber pendapatan dengan 100.

DAPATAN KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Keputusan kajian mendapati, kebanyakan responden yang membuat pinjaman kredit mikro berumur antara 31-50 tahun iaitu sebanyak (65.0 peratus). Tahap pendidikan mereka juga berbeza-beza. Majoritinya iaitu 40.0 peratus daripada responden mempunyai kelulusan sehingga peringkat MCE/SPM/SPMV/SMU. Selain itu sebanyak 22.0 peratus responden mempunyai pendidikan diperingkat LCE/SRP/PMR dan sebanyak 18.0 peratus berkelulusan setakat darjah 5/UPSR. Kesemuanya responden adalah wanita.

Kebanyakan responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2, memiliki pelbagai aktiviti ekonomi sama ada yang dibiayai atau tidak dibiayai AIM. Mereka yang dibiayai oleh AIM kebanyakannya (31.5%) terlibat dengan aktiviti menjual barang runcit secara kecil-kecilan. Selain itu sebanyak 21.2 peratus dan 22.2 peratus terlibat dengan aktiviti pemprosesan makanan/kuih tradisional dan membuka gerai makanan dan minuman. Tidak kurang juga yang mengusahakan

JADUAL 1. Aktiviti Ekonomi Dibiayai AIM

Jenis Aktiviti	Bilangan Responden	Peratus
Jual barang runcit kecilan	156	31.5
Proses makanan/kueh tradisional	105	21.2
Gerai makanan/minuman	110	22.2
Tukang jahit/kimpalan/kraf	74	15.0
Lain-lain perkhidmatan ^(a)	50	10.1
Jumlah	495	100.0

^(a) termasuk gunting rambut, chalet, urut tradisional, jualan langsung, jual barang binaan, jual anak getah/jual getah keping/sekerap dan jual barang mainan kanak-kanak.

aktiviti menjahit/kimpalan atau kraf iaitu sebanyak 15.0 peratus. Manakala aktiviti ekonomi yang tidak dibiayai oleh AIM (Jadual 2) melibatkan aktiviti penanaman padi/sayur (31.2%), menoreh getah (25.3%), bekerja dengan swasta (16.2%), gerai makanan/minuman (14.4%), proses makanan/kueh tradisional dan lain-lain perkhidmatan masing-masing 6.5 peratus. Daripada jumlah responden tersebut seramai 320 responden yang memiliki aktiviti ekonomi yang dibiayai dan tidak dibiayai oleh AIM. Hanya 175 orang responden sahaja yang bergantung sepenuhnya kepada aktiviti ekonomi yang dibiayai oleh AIM.

Jadual 3 menunjukkan taburan jumlah pendapatan isi rumah dari aktiviti yang dibiayai oleh AIM. Dapatan menunjukkan lebih 77.0 peratus responden menerima pendapatan antara RM1,000 hingga RM4,999 sebulan. Sementara 5.7 peratus responden menerima pendapatan RM5,000 dan lebih sebulan dan hanya 10.1 peratus menerima pendapatan antara RM720 hingga RM999 sebulan. Dapatan juga menunjukkan terdapat 19.8 peratus responden yang masih di bawah garis kemiskinan (peratusan kemiskinan ini merujuk kepada PGK 2007 iaitu RM720 bagi Semenanjung Malaysia). Jumlah purata pendapatan yang diterima dari aktiviti yang dibiayai oleh AIM ialah RM1,937.39 sebulan (Jadual 6).

JADUAL 2. Aktiviti Ekonomi Tidak Dibiayai AIM

Jenis Aktiviti	Bilangan Responden	Peratus
Proses makanan/kueh tradisional	21	6.5
Gerai makanan/minuman	46	14.4
Lain-lain perkhidmatan	21	6.6
Penoreh getah	81	25.3
Tanam padi/sayur	100	31.3
Makan gaji swasta	51	15.9
Jumlah	320	100

Jadual 4, menunjukkan aktiviti ekonomi yang tidak dibiayai oleh AIM. Dapatan menunjukkan 57.2 peratus responden menerima pendapatan antara RM1,000 hingga RM4,999 sebulan. Sementara 6.6 peratus responden menerima pendapatan RM5,000 dan lebih sebulan dan hanya 7.2 peratus menerima pendapatan antara RM720 hingga RM999 sebulan. Dapatan juga menunjukkan terdapat 29.1 peratus responden yang masih di bawah garis kemiskinan. Jumlah purata pendapatan yang diterima dari aktiviti yang dibiayai oleh AIM ialah RM1,961.84 sebulan (Jadual 6).

Jika pendapatan dikaitkan dengan aktiviti ekonomi, dapatan menunjukkan kebanyakan responden (27.6%) yang di bawah garis kemiskinan terdiri daripada mereka yang menjalankan aktiviti Proses makanan/kueh tradisional dan keduanya (26.5%) yang terlibat dengan aktiviti Jualan barangan runcit kecil-kecilan. Majoriti (39.3%) responden dalam aktiviti Jualan barangan runcit kecil-kecilan yang memperolehi pendapatan melebihi atau sama dengan RM5,000. Rata-rata daripada mereka berada dalam jeda pendapatan RM1,000 hingga RM1,999 dalam semua kategori aktiviti ekonomi (Jadual 3). Manakala aktiviti ekonomi yang tidak dibiayai oleh AIM (Jadual 4) menunjukkan 29.1 peratus responden berada di bawah garis kemiskinan dengan responden dalam aktiviti

JADUAL 3. Taburan Aktiviti Ekonomi dan Pendapatan Isi Rumah dari Aktiviti yang Dibiayai AIM (RM/bulan)

Aktiviti Ekonomi/ Jeda pendapatan (RM)	Jual barangan runcit kecil- kecilan		Proses makanan/kueh tradisional		Gerai makanan/ minuman		Tukang jahit/ kimpalan/kraf tangan		Lain-lain perkhidmatan		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
<720	26	26.5	27	27.6	23	23.5	12	12.2	10	10.2	98	19.8
720-999	16	32.0	10	20.0	12	24.0	6	12.0	6	12.0	50	10.1
1000-1999	56	34.6	34	21.0	30	18.5	26	16.0	16	9.9	162	32.7
2000-2999	29	30.2	21	21.9	22	22.9	12	12.5	12	12.5	96	19.4
3000-3999	13	30.2	9	20.9	8	18.6	9	20.9	4	9.3	43	8.7
4000-4999	5	27.8	1	5.6	9	50.0	3	16.7	0	0.0	18	3.6
≥ 5000	11	39.3	3	10.7	6	21.4	6	21.4	2	7.1	28	5.7
Jumlah	156	31.5	105	21.2	110	22.2	74	14.9	50	10.1	495	100

JADUAL 4. Taburan Aktiviti Ekonomi dan Pendapatan Isi Rumah Bukan dari Pembiayaan AIM (RM/bulan)

Aktiviti Ekonomi/ Jeda pendapatan (RM)	Proses makanan/kueh tradisional		Gerai makanan/ minuman		Lain-lain perkhidmatan		Penoreh getah		Tanam padi/ sayur		Makan gaji swasta		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
<720	1	1.1	0	-	1	1.1	47	50.5	4	4.3	40	43.0	93	29.1
720- 999	0	-	0	-	0	-	23	100.0	0	-	0	-	23	7.2
1000-1999	1	0.9	2	1.9	0	-	11	10.3	90	84.1	3	2.8	107	33.4
2000-2999	14	28.6	5	10.2	20	40.8	1	2.0	8	16.3	1	2.0	49	15.3
3000-3999	3	21.4	10	71.4	0	-	1	7.1	0	-	0	-	14	4.4
4000-4999	0	-	12	92.3	0	-	1	7.7	0	-	0	-	13	4.1
≥ 5000	2	9.5	18	85.7	0	-	0	-	1	4.8	0	-	21	6.6
Jumlah	21	6.6	47	14.7	21	6.6	84	26.3	103	32.2	44	13.8	320	100

JADUAL 5. Taburan Pendapatan Isi Rumah Keseluruhan (RM/bulan)

Jeda pendapatan (RM)	Jumlah	
	Bil.	%
<720	27	5.5
720- 999	21	4.2
1000-1999	133	26.9
2000-2999	119	24
3000-3999	79	16
4000-4999	50	10.1
≥ 5000	66	13.3
Jumlah	495	100

JADUAL 6. Ringkasan Statistik Diskriptif Purata Pendapatan Aktiviti dibiayai dan tidak dibiayai AIM

Aktiviti ekonomi	Bilangan	Purata pendapatan	Minima	Maksima
Aktiviti dibiayai AIM	495	1937.39	150.00	35000.00
Aktiviti tidak dibiayai AIM	320 ^(a)	1268.26	40.00	22100.00
Jumlah Pendapatan Isi Rumah	495	3205.65	40.00	35000.00

Nota: ^(a) Bilangan responden yang terlibat dengan kedua-dua aktiviti iaitu aktiviti ekonomi yang dibiayai dan tidak dibiayai AIM. Seramai 175 responden yang hanya bergantung kepada aktiviti yang dibiayai oleh AIM sepenuhnya.

Menoreh getah mencatat 50.5 peratus dan diikuti Makan gaji swasta iaitu 43.0 peratus. Kebanyakan daripada mereka (84.1 %) berpusat dalam jeda pendapatan RM1,000 hingga RM1,999 dalam kategori aktiviti ekonomi Tanam padi/sayur. Apa yang menarik, responden dalam aktiviti yang tidak dibiayai AIM dalam kategori Gerai makanan/minuman mencatat 85.7 peratus yang berada dalam jeda pendapatan RM5,000 dan lebih dan sebaliknya

mereka dalam aktiviti yang dibiayai oleh AIM didominasi oleh aktiviti Jual barang runcit kecil-kecilan iaitu 39.3 peratus.

Secara keseluruhannya dengan mengambilkira pendapatan daripada aktiviti yang dibiayai dan tidak dibiayai AIM menunjukkan kadar kemiskinan berkurangan secara signifikannya iaitu 5.5 peratus. Majoriti daripada responden iaitu 26.9 peratus berada dalam jeda pendapatan RM1,000 hingga RM1,999 dan diikuti 24.0 peratus berada dalam jeda pendapatan RM2,000 hingga RM2,999. Dapatan juga menunjukkan terdapat 13.3 peratus responden memperolehi pendapatan bersamaan dan melebihi RM5,000 (Jadual 5). Secara diskriptif menunjukkan wujud perbezaan pendapatan yang agak ketara di kalangan responden dan ini mungkin memberi kesan kepada ketaksamarataan pendapatan yang akan dibincangkan dalam seksyen seterusnya.

STRUKTUR DAN AGIHAN PENDAPATAN ISI RUMAH

Kajian mendapati pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti yang dibiayai kredit mikro menjadi sumber penyumbang utama kepada jumlah pendapatan keseluruhan isi rumah. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7, pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro AIM menyumbang

JADUAL 7. Struktur Jumlah Pendapatan Isi Rumah Responden

	Sumber pendapatan		Jumlah
	Pendapatan daripada aktiviti dibiayai AIM	Pendapatan aktiviti tidak dibiayai AIM	
Jumlah (RM)	959,007.50	627,788.50	1,586,796.00
Syer dalam jumlah pendapatan isi rumah (%)	60.4	39.6	100.0

sebanyak 60.4 peratus daripada keseluruhan pendapatan isi rumah. Sebaliknya hanya 39.6 peratus sahaja datangnya daripada sumber-sumber lain atau di luar pembiayaan kredit mikro. Ini menunjukkan pendapatan daripada aktiviti pinjaman kredit mikro ini telah benar-benar mampu untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang secara tidak langsung mampu untuk mengurangkan kemiskinan.

Ini bertepatan dengan penemuan kajian oleh Beck et al. (2004); Kai dan Hamori, (2009) yang mendapati, pembangunan kewangan yang pesat mendorong pendapatan golongan miskin untuk berkembang dengan lebih cepat. Memudahkan mereka untuk akses kepada perkhidmatan kewangan juga akan menjana aktiviti produktif seterusnya meningkatkan pendapatan dan harta. Akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada masalah kemiskinan. Namun bagaimanakah kesannya kepada ketaksamarataan pendapatan. Adakah pendapatan daripada aktiviti kredit mikro ini mampu untuk merapatkan jurang pendapatan antara isi rumah yang menyertai program tersebut atau sebaliknya?

IMPAK PENDAPATAN AKTIVITI KREDIT MIKRO AIM KEPADA KETAKSAMARATAAN

Jadual 8 menunjukkan pekali Gini untuk sumber pendapatan iaitu pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro AIM dan bukan daripada sumber kredit mikro AIM serta jumlah pendapatan isi rumah. Pekali Gini pendapatan bukan daripada aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro AIM adalah tinggi iaitu 0.685. Ini menunjukkan agihan pendapatan adalah tidak sekata dalam kategori sumber tersebut. Berbeza dengan pekali Gini 0.455 daripada sumber pendapatan aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro AIM, didapati agihan pendapatan yang diterima oleh isi rumah adalah lebih sekata. Dalam kajian ini jumlah ketaksamarataan pendapatan keseluruhan didapati menurun apabila pendapatan daripada aktiviti bersumberkan kredit mikro dikira bersama dengan pendapatan daripada aktiviti bukan bersumberkan kredit mikro seperti yang digambarkan oleh pekali Gini iaitu 0.425.

Didapati pendapatan daripada aktiviti kredit mikro AIM menyumbang kepada kesamarataan pendapatan

antara peserta isi rumah secara relatif (pekali Gini 0.455) dan peluang penambahbaikan terhadap jumlah ketaksamarataan pendapatan (pekali Gini 0.425). Di sini timbul persoalan iaitu; apakah pendapatan daripada aktiviti kredit mikro menyebabkan kesamarataan atau sebaliknya kepada jumlah ketaksamarataan pendapatan?

Dalam erti kata lain, kita mahu meneliti berapa banyak jumlah ketaksamarataan yang disumbangkan oleh ketaksamarataan daripada sumber-sumber pendapatan daripada aktiviti AIM. Penelitian terhadap persoalan ini agak menarik kerana sumbangan mana-mana sumber pendapatan kepada jumlah ketaksamarataan tidak hanya bergantung kepada darjah (magnitud) ketaksamarataan setiap sumber seperti Jadual 8, tetapi juga tentang kepentingan relatif sumber pendapatan dalam jumlah pendapatan isi rumah.

Oleh itu, kita merasakan bahawa pendapatan daripada aktiviti yang dibiayai kredit mikro adalah lebih saksama agihannya berdasarkan pekali Gini 0.455. Kesannya, ada kemungkinan sumbangannya kepada jumlah ketaksamarataan akan lebih tinggi berbanding sumber bukan kredit mikro berdasarkan kepada syer daripada sumber kredit mikro dalam jumlah pendapatan isi rumah adalah relatif lebih besar berbanding sumber bukan kredit mikro (Jadual 7).

Walaupun keputusan di dalam Jadual 8 menunjukkan pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro mengurangkan ketaksamarataan pendapatan di kalangan isi rumah, tetapi keputusan tersebut masih tidak boleh disahkan lagi kerana kita mengira indeks Gini secara bebas untuk sumber-sumber yang berbeza, iaitu tidak ditambah kepada jumlah ketaksamarataan. Dalam erti kata lain, untuk mengkaji sumbangan ketaksamarataan dalam pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro kepada jumlah ketaksamarataan pendapatan, kita perlu memisahkan indeks ketaksamarataan Gini.

Pemisahan indek Gini seperti yang dicadangkan oleh Yao (1997) membolehkan kita meneliti secara langsung kesan sumber pendapatan sama ada berlaku pengurangan atau peningkatan dalam ketaksamarataan. Attribute sumber pendapatan ini boleh dikenal pasti dengan melihat pekali kepekaan relatif (gf) yang diterbitkan dari pemisahan ketaksamarataan Gini. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, nisbah kepekaan relatif, gf menunjukkan kesan sumber pendapatan f ke atas jumlah ketaksamarataan. Jika nilai gf untuk pendapatan adalah lebih besar daripada uniti, bererti faktor pendapatan tersebut dikatakan menjadi faktor peningkatan ketaksamarataan (inequality-increasing factor). Ini bermaksud, sekiranya faktor pendapatan tersebut meningkat, ia akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam jumlah ketaksamarataan pendapatan dengan andaian ceteris paribus. Sebaliknya, jika nilai gf faktor pendapatan kurang daripada uniti, faktor pendapatan dikatakan akan menjadi faktor pengurangan ketaksamarataan (inequality-decreasing factor). Ini pula bermaksud, sekiranya faktor pendapatan

JADUAL 8. Ketaksamarataan Mengikut Sumber Pendapatan

Sumber pendapatan	Pekali Gini
Pendapatan dari aktiviti kredit mikro ^(a)	0.455
Pendapatan bukan aktiviti kredit mikro ^(b)	0.685
Jumlah	0.425

Nota: ^(a) pendapatan isi rumah yang diperoleh daripada aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro AIM sahaja.

^(b) Pendapatan isi rumah selain daripada pendapatan aktiviti yang dibiayai oleh kredit mikro AIM. Ini termasuklah pendapatan pekerjaan sama ada aktiviti pertanian dan bukan pertanian.

JADUAL 9. Pemisahan Pekali Gini Mengikut Sumber Pendapatan

Sumber pendapatan	m_f (1)	w_f (2)	G_f (3)	C_f (4)	$G=w_f C_f$ (5)	$g_f=C_f/G$ (6)	$w_f g_f$ (7)	% Sumbangan (8)
Pendapatan daripada aktiviti KM	1937.39	0.6044	0.455	0.361	0.218	0.849	0.513	51.34
Pendapatan bukan aktiviti KM	1268.26	0.3956	0.685	0.523	0.207	1.230	0.487	48.66
Jumlah	3205.65	1.000	0.425	0.425	0.425	1.000	1.000	100.00

Nota:

m_f = Purata pendapatan

w_f = Sumbangan pendapatan kepada jumlah pendapatan keseluruhan

G_f = Pekali GINI yang mengukur ketaksamarataan agihan pendapatan di kalangan kumpulan sumber pendapatan.

C_f = Nisbah kepekaan

$w_f C_f$ = pemisahan indeks GINI

g_f = Nisbah kepekaan relatif

$w_f g_f$ = Sumbangan pendapatan kepada jumlah ketaksamarataan.

tersebut meningkat, ia akan menyebabkan berlakunya pengurangan dalam jumlah ketaksamarataan pendapatan dengan andaian ceteris paribus.

Jadual 9 menunjukkan ringkasan pemisahan Gini mengikut pendapatan yang akan menjawab persoalan di atas. Peratusan syer pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro ialah 60.4 peratus, sementara sumbangannya kepada jumlah ketaksamarataan ialah 51.3 peratus. Ini menunjukkan pendapatan daripada sumber aktiviti yang dibiayai kredit mikro mempunyai kesan kesamarataan (equalising effect) ke atas ketaksamarataan. Ini disahkan oleh pekali kepekaan relatif (g_f) untuk sumber pendapatan daripada aktiviti kredit mikro yang mana nilainya kurang daripada satu. Oleh itu dengan andaian ceteris paribus, peningkatan syer pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro akan memacu kepada pengurangan dalam jumlah ketaksamarataan. Manakala pendapatan bukan daripada aktiviti AIM memberi kesan kepada peningkatan ketaksamarataan berdasarkan nilai g_f yang lebih besar dari satu iaitu 1.230. Oleh itu sebarang peningkatan pendapatan daripada sumber ini akan menyumbang

kepada peningkatan kepada jumlah ketaksamarataan pendapatan.

Lanjutan daripada itu timbul juga persoalan, antara beberapa aktiviti ekonomi dalam kajian ini, apakah kesan pendapatan daripada aktiviti tersebut kepada jumlah ketaksamarataan?. Persoalan ini dijawab berdasarkan analisis dalam Jadual 10 di bawah. Pekali Gini (G_f) aktiviti peruncitan ($G_f=0.43$) menunjukkan agihan pendapatan di kalangan peserta tersebut lebih sekata dan diikuti aktiviti kedai makan/minuman ($G_f=0.53$) berbanding dengan aktiviti-aktiviti lain. Lain-lain aktiviti mempunyai agihan pendapatan yang paling tidak sekata dengan pekali Gini 0.81. Namun seperti dinyatakan sebelum ini, walaupun pendapatan dari sebahagian aktiviti ekonomi (berdasarkan pekali Gini) dilihat dapat mengurangkan ketaksamarataan pendapatan di kalangan isi rumah, tetapi keputusan tersebut masih boleh dipertikaikan kerana pengiraan indeks Gini dilakukan secara bebas untuk sumber-sumber yang berbeza. Dengan kata lain, untuk mengkaji sumbangan ketaksamarataan dalam pendapatan daripada sumber aktiviti-aktiviti

JADUAL 10. Pemisahan Pekali Gini Mengikut Pendapatan Aktiviti Ekonomi

Sumber pendapatan	m_f (1)	w_f (2)	G_f (3)	C_f (4)	$G=w_f C_f$ (5)	$g_f=C_f/G$ (6)	$w_f g_f$ (7)	% Sumbangan (8)
Peruncitan	3153.94	0.3101	0.4250	0.1743	0.0541	0.4412	0.1368	13.68
Kedai Makan/minum	2129.99	0.2094	0.5324	0.3616	0.0757	0.9152	0.1916	19.16
Proses makanan/kueh tradisional	1984.27	0.1951	0.6115	0.4682	0.0913	1.1851	0.2312	23.12
Jahitan/Kimpalan/kraft tangan	1978.20	0.1945	0.7684	0.6364	0.1238	1.6105	0.3132	31.32
Lain-lain aktiviti	925.38	0.0910	0.8054	0.5522	0.0502	1.3976	0.1271	12.71
Jumlah	3205.65	1.000	0.3951	0.3951	0.3951	1.0000	1.0000	100.00

Nota: Jadual ini mengambil kira sumber pendapatan isi rumah daripada aktiviti yang dibiayai AIM

ekonomi kepada jumlah ketaksamarataan pendapatan, kita perlu memisahkan indeks ketaksamarataan Gini tersebut.

Jadual 10 ini juga menunjukkan ringkasan pemisahan Gini mengikut pendapatan daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dikaji. Peratusan syer pendapatan daripada aktiviti Peruncitan dan Kedai makan/minuman ialah masing-masing 31.0 peratus dan 20.9 peratus. Sumbangannya kepada jumlah ketaksamarataan ialah masing-masing 13.7 peratus dan 19.2 peratus. Ini menunjukkan pendapatan dari kedua-dua aktiviti ekonomi tersebut mempunyai kesan kesamarataan (equalising effect) ke atas ketaksamarataan. Mengikut Yao (1997), ini boleh disahkan oleh pekali kepekaan relatif (gf) untuk sumber pendapatan tersebut yang nilainya kurang daripada satu. Oleh itu dengan andaian ceteris paribus, peningkatan syer pendapatan daripada aktiviti-aktiviti ini akan memacu kepada pengurangan dalam jumlah ketaksamarataan. Aktiviti ekonomi seperti Proses makanan/kuih tradisional, Jahitan/kimpalan/kraf tangan dan Lain-lain aktiviti tidak menyumbang kepada pengurangan jumlah ketaksamarataan pendapatan.

IMPLIKASI POLISI DAN RUMUSAN

Pembangunan kewangan (kedalaman kewangan) dalam sesebuah negara penting untuk mewujudkan persekitaran ekonomi makro yang konduksif. Lebih-lebih lagi sekiranya pembangunan kewangan secara khusus melibatkan pembiayaan kepada golongan miskin atau berpendapatan rendah. Melalui pembiayaan kredit mikro ini mereka yang tidak bekerja akan berusaha untuk bekerja sendiri dan mereka yang telah bekerja sendiri akan dapat mengembangkan lagi aktiviti perusahaan. Sebenarnya melalui pembiayaan mikro kredit secara berterusan ini telah memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan khususnya melalui perusahaan mikro dan kecil (MSE) dan memberi harapan untuk keluar dari kemiskinan. Selanjutnya dengan pengembangan MSE ini dapat menyerap tenaga buruh keluarga dan bukan keluarga serta dapat mengurangkan masalah pengangguran khususnya di luar bandar. Namun begitu pembiayaan kredit mikro boleh memberi kesan kepada isu ketaksamarataan agihan pendapatan. Sama ada kesan positif atau negatif adalah bergantung kepada konteks persekitaran sosio-ekonomi sesebuah negara atau wilayah. Kajian dalam artikel ini hanya memfokuskan kepada kesan pembiayaan mikro ke atas ketaksamarataan pendapatan di kalangan peserta AIM.

Secara keseluruhannya penemuan mendapati pendapatan daripada aktiviti yang dibiayai oleh AIM menyumbang kepada pengurangan ketaksamarataan pendapatan antara peserta isi rumah secara relatif berbanding bukan aktiviti yang dibiayai oleh AIM. Peratusan syer pendapatan daripada aktiviti kredit mikro

dan sumbangannya kepada jumlah ketaksamarataan menunjukkan pendapatan daripada sumber aktiviti yang dibiayai kredit mikro mempunyai kesan kesamarataan (equalising effect) ke atas jumlah ketaksamarataan pendapatan isi rumah. Ini bermakna, peningkatan syer pendapatan daripada sumber aktiviti kredit mikro akan memacu kepada pengurangan dalam jumlah ketaksamarataan. Ini memberi gambaran bahawa jurang agihan pendapatan akan semakin mengecil. Justeru penyaluran kredit secara konsisten dan prosedur pemantauan yang berkesan telah berjaya mengurangkan insiden kemiskinan dan jurang pendapatan. Seharusnya, dengan AIM membesarkan lagi pembiayaan projek ekonomi AIM, akan lebih cenderung mensetarakan pendapatan kerana pendapatan daripada pembiayaan AIM adalah lebih besar (60.40%) dari pendapatan sampingan atau sumber bukan AIM (39.60%). Dapatan juga menunjukkan sumber pendapatan daripada aktiviti Peruncitan dan Kedai makan/minuman telah menyumbang kepada pengurangan jumlah ketaksamarataan. Di samping itu pendapatan daripada aktiviti ini juga menyumbang kepada pola agihan pendapatan yang lebih sekata di kalangan pesertanya. Oleh itu dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan dan ketaksamarataan ini, pembiayaan seharusnya diperluaskan jangkauannya terutama dalam aktiviti-aktiviti ini.

Walaupun dapatan menunjukkan pembiayaan mikro memberi kesan positif kepada pengurangan kemiskinan dan ketaksamarataan, tetapi kajian ini mengambilkira aktiviti bukan pertanian sahaja. Mungkin dapatan akan berbeza sekiranya mengambilkira pendapatan daripada sumber pertanian dan faktor-faktor yang lain. Oleh itu kajian lanjutan adalah diperlukan supaya kesan secara keseluruhan dapat diketahui. Menurut Copestake (2002), kesan kredit mikro kepada ketaksamarataan mungkin mengukuhkan atau melemahkan kapasiti jangka panjang dalam usaha mengurangkan kemiskinan. Oleh itu menurutnya lagi perlu kepada penyelidikan yang lebih menyeluruh kesan kredit mikro terhadap sosial, politik dan ekonomi khususnya mereka yang telah berjaya dan gagal dalam aktiviti ekonomi kredit mikro.

PENGHARGAAN

Artikel ini menggunakan sebahagian dari data kajian Impak 6 AIM (2010). Oleh itu penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak AIM atas kebenaran menggunakan data ini.

RUJUKAN

- Adams, R. H. Jr. 2001. Nonfarm income inequality and poverty in rural Egypt and Jordan. *Policy Research Working Paper* 2571.
- Ahlin, C., & Jiang, N. 2008. Can micro-credit bring development? *Journal of Development Economics* 86(1): 1-21.

- Amanah Ikhtiar Malaysia. 2006/07. *Kajian Impak 5* (Tidak diterbitkan).
- Amanah Ikhtiar Malaysia. 2010. *Kajian Impak 6* (Tidak diterbitkan).
- Balkenhol, B. 2005. The impact of microfinance on employment: what do we know? *Social Finance Program*, ILO.
- Beck, T., Demirgüç-Kunt, A., & Levine, R. 2004. Finance, inequality and poverty: Cross-country evidence. *NBER Working Paper* 10979.
- Bouman, F. J. A. & Houtman, R. 1988. Pownbroking as an instrument of rural banking in the third world. *Economic Development and Cultural Change* 37: 69-88.
- Coleman, B. E. 2006. Microfinance in Northeast Thailand: Who benefits and how much? *World Development* 34(9): 1612-1638.
- Copestake, J. 2002. Inequality and the polarizing impact of microcredit: Evidence from Zambia's Copperbelt. *Journal of International Development*: 743-755.
- Copestake, J., Sonia Bhalotra & Johnson, S. 2001. Assessing the impact of microcredit: A Zambian case study. *The Journal of Development Studies* 37(4): 81-100.
- Cuong, N. V., Bigman, D., Van den Berg, M., & Thieu, V. 2007. Impact of Micro-credit on Poverty and Inequality: The Case of the Vietnam Bank for Social Policies. *Draft version Paper submitted to: Microfinance: What Do We Know?*. Groningen, The Netherlands.
- Dunn, E. 2005. *Impact of Microcredit on Clients in Bosnia and Herzegovina*. Impact Assessment/ Research and Development Component Local Initiatives (Microfinance) Project II. (Final report)
- Inoue, T. & Hamori, S. 2010. How has financial deepening affected poverty reduction in India? Empirical analysis using state-level panel data. Institute of Developing Economics. *Ide Discussion paper*, 249.
- Gibbons, D. S. & Sukor Kasim. 1990. *Keluarga Termiskin Dipercayai*. Pulau Pinang: Amanah Ikhtiar Malaysia.
- Greenwood, J., & Jovanovic, B. 1990. Financial development, growth, and the distribution of income. *Journal of Political Economy* 98(5):1076-1107.
- Kai, H. & Hamori, S. 2009. Microfinance and Inequality. *Research in Applied Economics* 1(1):1948-5433.
- Kai, H. & Hamori, S. 2009. Globalization, financial depth, and inequality in Sub-Saharan Africa. *Economics Bulletin* 29(3): 2025-2037.
- Khandker, S. R., Hussain A. Samad & Zahed H. Khan. 1998. Income and employment effects of micro-credit programmes: Village-level evidence from Bangladesh. *Journal of Development Studies* 35(2): 96-124.
- Kuznets. 1955. Economic growth and income inequality. *The American Economic Review* 45(1): 1-28.
- Lipton, M. & Van der Gaag, J. 1993. Including the Poor: *Proceedings of a Symposium Organised by the World Bank and the International Food Policy Research Institute*. Washinton D. C.: World Bank.
- Mahjabeen, R. 2007. Microfinancing in Bangladesh: Impact on households, consumption and welfare. *Journal of Policy Modeling* 30: 1083-1092.
- Malaysia. 2006, *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara
- Malaysia. 2001. *Laporan Ekonomi 2000-2001*. Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia.
- McKernan, S. M. 2002. The Impact of Microcredit program on self-employment profits: Do noncredit program aspects matter? *The Review of Economics and Statistics* 84(1): 93-115.
- McKinnon, R. I. 1973. *Money and Capital in Economic Development*. Washington, D.C.: The Brookings Institution.
- Rahman S, Rafiqul Bhuyan Rafiq & Mohammad A. Momen. 2009. Impact of microcredit programs on higher income borrowers: Evidence from Bangladesh. *International Business & Economics Research Journal* 8(2): 119-124.
- Roslan, A.H., Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Faudziah Zainal Abidin & Rahimah Majid. 2007. *A preliminary assessment of the impact of microcredit scheme on microenterprises and poverty: A case study of Kubang Pasu Kedah* (Tidak diterbitkan), Sintok, UUM.
- Sekaran, U. 2004. *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Shah, A. 2010. *Does Microfinance Polarize? Evidence of its Effect on Income Inequality from Rural Thailand*. Providence: Brown University Department of Economics.
- Shaw, J. 2004. Microenterprise occupation and poverty reduction in microfinance programs: Evidence from Sri Lanka. *World Development* 2(7): 1247-1264.
- Tchouassi, G. 2011. Microfinance, inequality and vulnerability: Empirical analysis from Central African countries. *Journal of Development and Agricultural Economics* 3(4): 150-156.
- World Bank. 2001. *World Development Report 2000/2001*. New York: Oxford University Press.
- Yao, S. 1997. Decomposition of Gini coefficient by income factors: A new approach and applications. *Applied Economic Letters* 4(1): 27-31.
- Zulkefly Abdul Karim, Mohd. Azlan Shah Zaidi & Norain Mod Asri. 2008. Pembangunan kewangan dan pertumbuhan sektor-sektor ekonomi: Bukti empirikal di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 42: 65-89.
- Mohd Saifoul Zamzuri Noor*
Siti Hadijah Che-Mat**
Roslan Abdul-Hakim***
Jabatan Ekonomi
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Bank
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah D.A.
MALAYSIA
- * saifoul@uum.edu.my
** hadijah@uum.edu.my
*** ahroslan@uum.edu.my